

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran tender terbuka adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** dalam **kod bidang berkaitan** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk tender berikut:-

T2/24/P/JPPF/17-PF1/KJKIMIA : To Supply, Install, Testing And Commissioning Teaching And Learning Equipments At **School Of Chemical Engineering**, Engineering Campus, Universiti Sains Malaysia.

BIL ITEM.	ITEM NAME
1.	Carbon, Hydrogen, Nitrogen And Sulfur Analyzer (CHNS)
2.	Atomic Absorption Spectrophotometer (AAS)
3.	Gas Chromatograph (GC-FID)
4.	Vacuum Oven
5.	Furnace
6.	Oven
7.	Fumehood
8.	Electric Steam Boiler
9.	Digital Data Recoder System
10.	Filtered Storage Cabinet
11.	Water Purifier
12.	Air Compressor

Kelayakan : Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan – Kod Bidang **130101 / 130102 / 130201 / 130202 / 060501 / 060102 / 060101 / 060502.**
* / ATAU

Tarikh Tutup Tender : **27 Jun 2024 (Khamis), Jam 12.00 Tengah hari.**

Tarikh Dokumen Dijual : **5 Jun 2024 hingga 19 Jun 2024.**

Harga Dokumen : **RM100.00 (Senaskah)** dalam bentuk *softcopy* boleh dibayar melalui akses kepada laman web e-payment (<https://epayment.usm.my/>) dengan klik kepada **perkhidmatan jualan borang tender.**

Tarikh & Tempat Taklimat : **5 Jun 2024 (Rabu), Jam 10.00 Pagi.**
Bilik Seminar, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia, Universiti Sains Malaysia, Nibong Tebal, Pulau Pinang.

Syarat Taklimat & Lawatan Tapak : i) Petender **DIWAJIBKAN** menghadiri **taklimat & lawatan tapak.** Dokumen hanya dijual kepada petender yang telah menghadiri taklimat & lawatan tapak sahaja.
ii) Hanya **penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan** sahaja yang **boleh menghadiri sesi taklimat tender.**
iii) Syarikat **tidak boleh mewakilkan pegawai lain** selain daripada penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

<p>Syarat Permohonan Dokumen Softcopy</p>	<p>iv) Wakil Syarikat (Penama) yang hadir wajib mengemukakan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan serta masih sah tempoh lakunya.</p> <p>: Dokumen Tender (<i>softcopy</i>) boleh didapati melalui permohonan di (https://usmprism.usm.my/sedt/?td=T2/24/P/JPPF/17-PF1/KJKIMIA) dengan wajib melengkapkan maklumat syarikat dan mengemukakan secara atas talian dokumen seperti berikut:</p> <p>i) Resit / Bukti Pembayaran melalui sistem e-payment yang telah dibuat. (Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan).</p> <p>ii) Sijil Pendaftaran Kod Bidang Kementerian Kewangan.</p>
<p>Syarat Penghantaran Dokumen</p>	<p>i) Penghantaran Dokumen Tawaran Tender dalam bentuk hardcopy & softcopy (pendrive) yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor, Nama Tender dan dimasukkan sendiri ke dalam peti tawaran di Seksyen Perolehan, Jabatan Bendahari, Bangunan C04, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang.</p> <p>ii) Petender dibenarkan untuk menghantar dokumen tawaran tender melalui pos berdaftar/kurier. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba dan dimasukkan ke dalam peti tender pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.</p> <p>Petender yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas empat (4) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.</p> <p>* Pihak Universiti berhak menerima kesemua atau sebahagian dari tawaran tender tersebut dan tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau mana-mana tender.</p>